

27/04/1999

Yang di-Pertuan Agong ke-11 angkat sumpah (HL)

Faizal Fadzil; Minarni Mat Saad

KUALA LUMPUR, Isnin - Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 di hadapan Majlis Raja-Raja, di Istana Negara, di sini hari ini.

Seri Paduka melafazkan ikrar dan menandatangani sumpah jawatan itu di mesyuarat Majlis Raja-Raja di Balai Rong Seri, pada jam 11.15 pagi. Turut hadir ialah Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah.

Sultan Salahuddin, 74, menggantikan Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10 Sabtu lalu.

Istiadat itu turut menyaksikan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin melafaz sumpah jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan menandatangani surat perisytiharan memegang jawatan itu.

Surat sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong dan surat sumpah jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kemudian disembahkan kepada Sultan Pahang dan Sultan Kelantan untuk ditandatangani sebagai saksi.

Semua Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri berangkat hadir pada majlis itu. Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota Johor, Negeri Sembilan oleh Pemangku Yang di-Pertuan Besar dan Selangor oleh Pemangku Raja Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemudian menghadap dan menyembahkan dua surat Perisytiharan Memegang Jawatan untuk ditandatangani Seri Paduka.

Dr Mahathir kemudian membaca Surat-Surat Perisytiharan Memegang Jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Istiadat itu, yang berlangsung selama satu jam, diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Md Hashim Yahya. Sebelum itu, ketika upacara dimulakan, Imam Besar Masjid Negara, Muhammad Taib Azzamudden membacakan doa.

Turut berada di Balai Rong Seri menyaksikan istiadat itu ialah kerabat-kerabat diraja, menteri-menteri Kabinet, menteri-menteri besar, timbalan-timbalan menteri, hakim-hakim, Yang Dipertua Dewan Negara dan Speaker Dewan Rakyat.

Sebelum itu, satu majlis istiadat menyambut keberangkatan tiba Sultan Salahuddin dan Tengku Permaisuri Selangor, Siti Aishah diadakan di medan Parlimen pada jam 9.30 pagi.

Di SHAH ALAM, keberangkatan Sultan Salahuddin dan Tengku Permaisuri Siti Aishah ke Dataran Parlimen pagi ini, diiringi lambaian selamat tinggal oleh lebih 3,000 rakyat Selangor di Dataran SUK.

Pasangan diraja itu tiba di pekarangan Dataran SUK pada jam 8.15 pagi dengan diiringi Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, sebelum disambut dengan tembakan meriam 21 das.

Selepas lagu Negara Ku dan lagu negeri Selangor dimainkan, Sultan Salahuddin memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang disertai 130 anggota Tentera Laut Diraja Malaysia.

Majlis diakhiri dengan laungan Daulat Tuanku sebanyak tiga kali sebelum bacaan doa oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid.

Upacara selamat berangkat di Dataran SUK itu dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Setiausaha Kerajaan Negeri, Ambrin Buang, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, pegawai daerah dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran.

Sultan Salahuddin dan Tengku Permaisuri Siti Aishah meninggalkan pekarangan SUK pada jam 8.50 pagi melalui Lebuhraya Persekutuan ke

Parlimen.

Berhampiran Kota Darul Ehsan yang memisahkan Selangor dan Wilayah Persekutuan, pasangan diraja itu menerima lambaian dan ucapan selamat berangkat daripada lebih 2,000 rakyat Selangor, khususnya dari daerah Petaling.

(END)